

Abdullah jawab pelbagai isu

UM - 17/11/2006

PRESIDEN UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menjawab beberapa isu yang dibangkitkan pada sidang akhbar yang diadakan pada hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

SOALAN: Pada mesyuarat agung MCA beberapa bulan lalu, UMNO jadi sasaran kritikan dan pada Perhimpunan Agung UMNO ini pula, MCA dijadikan sasaran untuk dikritik. Adakah ini menunjukkan model kerjasama BN tidak lagi relevan?

ABDULLAH: Bukan (*ketawa*). Awak ini wakil DAPkah? (*ketawa*). MCA dan UMNO masih kawan baik. Kawan baik mesti cukup ikhlas untuk bercakap tentang perbezaan dan perkara-perkara yang menjadi perhatian kita. Kita boleh berbincang dan pastikan perbincangan itu tidak melampau had.

Saya berpendapat ia adalah sesuatu yang boleh diterima, dan sebagaimana yang sering saya perkatakan kita harus berhati-hati. Ia penting sebagaimana yang saya katakan sebelum ini.

Apakah kerajaan akan terus mengekalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB)?

ABDULLAH: Saya berpendapat soalan anda tidak betul, saya berpendapat anda tidak memahami keperluan antara bumi-putera dan bukan bumi-putera.

Kita bukannya meneruskan dasar (DEB) tetapi hanya meneruskan dua strategi yang terkandung dalam dasar itu iaitu menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.

Selepas 20 tahun pelaksanaan DEB, pada tahun 1991 kita memperkenalkan polisi baru.

Apa yang kita perkatakan adalah sebagaimana yang saya bangkitkan dalam ucapan saya. Jika anda boleh mengingatkannya kembali, saya telah menerangkan bahawa antara matlamat yang hendak dicapai itu adalah menyusun semula masyarakat; kedua, untuk membasmi kemiskinan, maka 20 tahun yang menjadi jangka waktu pelaksanaan DEB itu tidak mungkin mencapai kedua-dua matlamat itu.

Dan kedua-dua matlamat itu sebenarnya adalah lahir daripada perasaan, isi hati mereka yang terlibat dalam Majlis Perun-

dangan Negara. Selepas ini (diperkenalkan) nanti apa yang perlu dilakukan, jadi kita bincang.

Kita nak tahu apa mesej yang dapat kita putuskan daripada perbincangan-perbincangan yang begitu terbuka, yang telah begitu panas. Sebenarnya pada waktu itu kita boleh mengatakan tidak ada yang menghalang.

Sesiapa boleh katakan apa juga, jadi daripada perbincangan-perbincangan yang berlaku itu kita dapat satu mesej yang keluar daripadanya iaitu kita nak pastikan bahawa pada masa hadapan tidak akan ada lagi peristiwa 13 Mei.

Kita mahu supaya negara kita ini dari segi politiknya terus stabil, maka dan dengan itu kita mesti fikir apakah pendekatan-pendekatan yang perlu diambil dari segi pembangunan masyarakat, negara, ekonomi dan sebagainya supaya nanti kekayaan negara kita, peluang-peluang untuk maju itu akan dinikmati bersama, supaya tidak ada mana-mana pihak yang menganggap mereka diketepikan, supaya kita tidak ada perasaan seperti itu.

Konflik

Bila tidak ada perasaan seperti itu bolehlah nanti kita mengharapkan satu suasana perhubungan kaum yang baik, kerana 13 Mei itu ialah masalah konflik perkauman yang kita tak mahu lihat berlaku lagi.

Daripada apa yang kita dengar dan daripada mesej yang dapat kita petik maka itu kita mengolah satu dasar iaitu DEB, ia bukan hanya berupa lanjutan kepada dasar ekonomi yang telah wujud sebelumnya. Maknanya kalau kita lihat betul-betul sebenarnya DEB itu telah memberi satu asas baru untuk membangunkan negara dan membangunkan rakyat Malaysia.

Itu yang telah lahir dahulu apabila Tunku (Abdul Rahman Putra) mempunyai formula mudah untuk membuatkan semua rakyat Malaysia gembira - kaum Cina terus berniaga, kaum India menyediakan pekerja termasuk pekerja profesional, kaum Melayu pula bekerja di ladang dan menyediakan makanan, menjadi tentera kerani rendah dan guru.

Dengan formula mudah Tunku ini, semua

Tempoh 20 tahun pelaksanaan DEB sebenarnya satu penanda aras, setidak-tidaknya masa akan menilai dan melihat sejauh mana kita telah mencapai kejayaan

rakyat Malaysia - ketika itu Malaya - hidup aman, gembira dengan apa yang mereka ada. Dan tugas Perdana Menteri pula mudah.

Bila peristiwa 13 Mei berlaku Tunku menangis. Jadi itu formulanya, tetapi kita tidak boleh kekalkannya. Apabila hendak menjadi peniaga, usahawan hanya untuk kaum Cina dan orang Melayu terus gembira dengan sawah mereka menjadi petani, kakitangan rendah, anggota polis, askar. Saya tidak fikir ini boleh diterima oleh semua orang, jadi kita perlu mengubahnya.

Tempoh 20 tahun pelaksanaan DEB sebenarnya satu penanda aras, setidak-tidaknya masa akan menilai dan melihat sejauh mana kita telah mencapai kejayaan.

Jika semua sempurna seperti hari ini, kita mesti ada fakta bahawa dalam perbincangan yang diadakan dalam Mapen 1 di mana saya turut terlibat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Masyarakat, kita hangat berbincang sehingga pukul 3 pagi. Sangat hangat... ketika itu tiada pemberita untuk membuat laporan, tetapi Mapen berjaya dikekalkan.

Pelaksanaan Mapen 1 dan Mapen 2 masih belum mencapai sasaran, dan begitu juga langkah membasmi kemiskinan. Anda fikir dalam tempoh 20 tahun anda boleh mengurangkan kadar kemiskinan yang pada tahun 1970-an pada sekitar 50 peratus atau 57 peratus.

Bila kita lancarkan DEB, nampak mustahil dalam tempoh 20 tahun tetapi kita meneruskan objektif kedua-dua polisi itu sehingga sekarang, dan sejak 13 Mei tidak ada masalah, sehingga ada kumpulan manusia bijak yang kemudiannya mula mempersoalkan dasar-dasar tersebut.

Apabila UMNO mendakwa bahawa Melayu adalah 'tuan' bagi negara ini, adakah ini menimbulkan perasaan kepada rakyat bukan Melayu bahawa Malaysia ini bukan milik mereka?

ABDULLAH: Itu perasaan mereka. Yang bukan Melayu pun memahami, mana Melayu hendak jadi tuan. Kalau jadi tuan

semua jawatan pengerusi, Melayulah yang pegang, semua pengurus besar Melayulah yang pegang, itu barulah tuan, segala-galanya Melayu. Perkara itu tidak berlaku, itu perasaan pihak-pihak berkenaan saja.

Tapi jangan sampai pada tongkat, kita nak halau nak pegang tongkat nak hambat dia orang balik, tak ada sampai begitu. Dalam negara kita ini, kita perlu mengawal diri kita, jangan sampai pada peringkat kita yang bergaduh. Kalau setakat kita bercakap tak apa lagi, jangan sampai kita bergaduh. Kalau bergaduh itu yang susah. Kita mesti terus cuba memahami antara satu sama lain dan tidak menimbulkan keadaan yang tidak diinginkan.

Bila jadi begini, apa sebab? Mesti ada sebab yang perlu diambil kira, apabila sudah ada perasaan begitu mesti ada sebabnya. Takkanlah tiba-tiba timbul. Sebenarnya dalam UMNO sudah lama tak ada cakap macam ini, perbincangan mengenai soal tuan tak timbul sudah lama, dan pada tahun ini (ia) bising, kerana dalam beberapa bulan sebelumnya ada beberapa perkara jadi isu dan isu ini tentu menimbulkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak.

Kita perlu menanganinya, kalau tidak nanti mungkin membawa kepada keadaan yang kita tidak ingini, kadang-kadang ia hanya melibatkan perdebatan dan kemudian menjadi kemelut dan selepas itu kembali berdamai.

Kita tidak mahu ia berlaku. Jadi, itulah yang kita kena ambil berat, kena berjaga-jaga sedikitlah, sebab itu saya memilih untuk cakap persoalan ini dalam ucapan saya.

Kita tahu dari segi menghapuskan kemiskinan, Alhamdulillah, kita adalah yang terbaik di dunia. Mengikut laporan UNDP, kita berjaya mengurangkan kadar kemiskinan kepada 5.7 peratus berbanding lebih 50 peratus dulu dalam jangka masa yang singkat.

Kita berjaya merapatkan jurang dan menyusun semula masyarakat. Dasar itu mengembirakan rakyat, mewujudkan banyak peluang pekerjaan kerana kita memahami kehendak majoriti rakyat Malaysia.